

# Tekad, sepakat dua pemimpin serumpun

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarahrahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Malaysia berpendapat sudah sampai masanya hubungan kerjasama Malaysia dan Indonesia dipertingkatkan ke peringkat yang strategik melalui peningkatan hubungan dua hala.

Komitmen itu dizahirkan Perdana Menteri ketika lawatan sulung beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-8 atas jemputan khas Presiden Indonesia, Joko Widodo demi menghormati dasar negara berkenaan sebagai rakan negara serumpun yang telah menjalin persahabatan selama puluhan tahun.

Dalam sidang akhbar bersama, Muhyiddin berkata, kerjasama itu boleh dioptimumkan terutamanya dalam bidang ekonomi, perdagangan dan pelaburan.

Beliau berkata, pengukuhan rangka kerjasama ini mencerminkan tekad dua pemimpin serumpun itu untuk berganding bahu demi menjana kemakmuran bersama.

“Saya percaya melalui ‘semangat serumpun’, sebarang isu-isu yang timbul dapat kita rundingkan bersama demi kesejahteraan rakyat kedua-dua negara dan rantau Asia Tenggara,” kata beliau pada sidang akhbar di Istana Merdeka, Jakarta Pusat semalam.

Terdahulu, Malaysia dan Indonesia mencapai sepakat atas beberapa isu yang dibang-



**JOKO Widodo memberi sambutan negara ke atas lawatan rasmi dua hari Muhyiddin Yassin ke Jakarta. Indonesia semalam. - GAMBAR IHSAN PEJABAT PERDANA MENTERI**

kitkan bersama terutama melibatkan isu politik di Myanmar, pengambilan dan perlindungan pekerja Indonesia, isu alam sekitar serta jerebu rentas sempadan selain kerjasama menentang diskriminasi industri minyak sawit.

Sehubungan itu, Perdana Menteri bersetuju dengan cadangan supaya kedua-dua Menteri Luar diberi mandat mencari kesepakatan supaya satu mesyuarat khas ASEAN diadakan bagi membincangkan isu Myanmar lebih mendalam.

Malaysia dan Indonesia juga menzahirkan kebimbangan terhadap kempen anti-minyak sawit terutama di Eropah, Aus-

tralia dan Oceania yang disifatkan sebagai tidak berasas serta bercanggah dengan komitmen Kesatuan Eropah (EU) kepada Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) mengenai amalan perdagangan bebas.

Perdana Menteri turut memohon kerjasama Indonesia meningkatkan usaha memastikan rakyat republik itu yang memasuki Malaysia menggunakan saluran sah.

Katanya, kerajaan akan terus bekerjasama dengan Indonesia bagi memastikan pengambilan dan perlindungan Tenaga Kerja Indonesia (TKI) dan Pekhidmat Domestik Indonesia (PDI) adalah berlandaskan undang-undang negara sedia ada.

dang negara sedia ada.

Malaysia dan Indonesia turut merangka kerjasama dalam menyelesaikan isu alam sekitar termasuk perkara berkaitan perubahan iklim dan jerebu rentas sempadan di antara kedua-dua negara.

Berhubung situasi di Laut China Selatan, Malaysia berpandangan bahawa isu tuntutan maritim di perairan tersebut dan penyelesaiannya hendaklah dibuat secara aman berdasarkan prinsip-prinsip undang-undang antarabangsa yang diiktiraf secara universal, termasuklah *The United Nations Convention on the Law of the Sea* (UNCLOS) 1982.